

Tiga sekawan rai kejayaan

KOSMO 4/9/07

Oleh NORHAYATI YAHAYA

norhayati@kosmo.com.my

BATU PAHAT – Asilah Matusin, 26, S. Sivaranjini, 25, dan Chan Wai Song, 25, gembira apabila akhirnya mereka berjaya menamatkan pengajian dalam bidang Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) di sini semalam.

Mereka yang ditemui selepas menerima ijazah masing-masing di Dewan Tunku Ibrahim Ismail berkata, semangat setiakawan dan berpasukan merupakan kunci kejayaan dan bukti perpaduan wujud sesama mereka.

Asilah yang berasal dari Pasir Mas, Kelantan dan sedang mencari pekerjaan yang sesuai dengan kelulusannya berkata, teknik pembelajaran yang diamalkan sejak semes-

ter pertama akhirnya membawa kejayaan kepadanya dan rakan-rakan.

"Kami selalu berjumpa dan berbincang tentang pelajaran dan sejak itu, hubungan kami dan beberapa rakan lain menjadi lebih rapat tambahan pula kami bukan berasal dari negeri ini dan masing-masing merupakan anak rantau," ujarnya.

Sivaranjini yang memperoleh Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) 3.35 dan berasal dari Sungai Siput, Perak berkata, walaupun mereka mempunyai latar belakang dan budaya yang berbeza, namun apabila tiba waktu mengulangkaji pelajaran ataupun menghasilkan tugas yang diberikan, mereka pasti akan bekerjasama dengan sebaik mungkin.

"Kejayaan kami hari ini adalah kejayaan yang perlu

diraikan bersama dan saya sendiri gembira kerana selain menerima ijazah, saya turut berjumpa dan mendapat kawan baru dari pelbagai kaum di universiti ini," katanya.

Begitu juga perasaan yang dikongsi oleh Wai Song yang mendapat CGPA 3.0 dan berasal dari Felda Jengka, Pahang.

Dia yang sudah bekerja sebagai penganalisa komputer di Kuala Lumpur berkata, selain belajar secara berkumpulan, mereka juga sering berbincang dengan pensyarah mengenai subjek yang dipelajari.

"Bila belajar di universiti, kita kena rajin dan jangan malu bertanya sekiranya tidak faham tentang mana-mana subjek dan yang paling penting, kita tidak boleh sombong dengan kawan-kawan yang lain," ujarnya.



SIVARANJINI, Asilah dan Wai Song berkongsi kegembiraan pada majlis Konvokesyen UTHM di Batu Pahat semalam.